

# prihatin

BERITA SPANCO

*sentiasa bersama mu*

JILID 3  
11

SEPT - OKT



8  
6 KRITERIA PSD  
JAMIN  
MUTU SERVIS



14  
MERANCANG  
STRATEGI FLEET  
YANG BERKESAN



16  
PETUA MUDAH  
MELETAKKAN  
KERETA ANDA



**Teknologi CVT  
Proton Saga FLX 1.3L  
Baru Lebih Menjimatkan Minyak**

# Servis Bermutu Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:



- **SISTEM MAKLUMAT  
PENGURUSAN FLEET BERSEPADU**

Menggabungkan modul menyeluruh di mana sejarah servis dan pembaikan sesebuah kereta dapat dicapai melalui Internet dalam masa sebenar.



- **ALAT DIAGNOSTIK PROTON PADT**

Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.



- **ALAT PAM MINYAK ENJIN  
PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA**

Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.



- **DISPENSER MINYAK ENJIN**

Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin yang tepat tanpa tumpahan.



- **PENGECAS GAS PENDINGIN  
UDARA AUTOMATIK**

Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



- **ALAT PENJAJARAN RODA  
BERKOMPUTER**

Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.

## **RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN**

Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran stesen kabel yang disediakan.

Untuk temujanji, sila hubungi talian  
**BEBAS TOL: 1-800-88-6999**





## Bersama-sama Membendung Peningkatan Kemalangan

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

PADA Ops Sikap sempena musim perayaan yang lepas, dilaporkan jumlah kematian dan nahas kemalangan adalah yang terburuk pernah dicatatkan oleh operasi semenjak diperkenalkan sedekad yang lalu.

Kita merasa amat berdukacita di samping kluatir dengan laporan terbaru berkaitan trend peningkatan kadar kemalangan yang seolah-olah tiada penghujung. Kemalangan jalan raya mendatangkan pelbagai kesusahan kepada mangsa seperti kesihatan dan tugas terganggu, kehilangan produktiviti, masa dan tenaga terbuang, selain kerumitan mencari pengangkutan alternatif.

Paling menghibakan apabila ada nyawa terkorban menyebabkan keluarga si mangsa menderita dan hilang tempat bergantung. Sememangnya kemalangan jalan raya yang boleh berlaku sekelip mata, namun mampu memberi kesan negatif yang berpanjangan.

Kemalangan kerap berpunca daripada tabiat memandu yang berbahaya seperti menggunakan telefon bimbit dan menghantar sms semasa memandu, tidak memasang tali pinggang keledar, berlumba-lumba dan tergesa-gesa serta tidak menghormati undang-undang lalu lintas.

Pengurusan Fleet Profesional SPANCO amat menitikberatkan keselamatan para pelanggan kami dengan sentiasa memastikan antaranya setiap kereta yang dibekalkan dijaga rapi, bersedia dan selamat untuk digunakan.

Bagaimanapun kerjasama pelanggan juga diperlukan untuk memastikan kereta yang anda pandu benar-benar selamat iaitu pelanggan mematuhi jadual senggaraan serta melaporkan segera sebarang kerosakan. Paling penting yang mesti ditekankan ialah pemandu mengamalkan etika pemanduan berhemah semasa berada di jalan raya.

Kita semua benci akan nahas malapetaka lebih-lebih lagi jika menimpa ke atas orang yang kita sayangi dan cintai. Maka besarlah harapan kami di SPANCO sekiranya anda turut dapat memainkan peranan supaya bersama-sama kita mampu membendung gejala kadar kemalangan yang semakin meningkat ini.

Dalam pada itu, dalam usaha untuk terus mempertingkatkan tahap perkhidmatan kami, sokongan padu pusat-pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia amat dihargai. Kami mengalu-alukan usaha mereka untuk terus memperbaiki mutu servis selaras piawaian yang ditetapkan oleh Pengurusan Fleet Profesional.

Sekian,

**Peter Lim**  
**Pengurus Besar Operasi Servis**

# prihatin

setiara bersama mu



## PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

## SIDANG PENGARANG

Peter Lim  
Zulkifli Abd. Aziz  
Rusman Bassri

## PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)  
No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kawasan Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves.  
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999  
emel : [prihatin@spanco.com.my](mailto:prihatin@spanco.com.my)  
web : [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my)  
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

## PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd  
No. 15, Jalan PBS 14/3  
Taman Perindustrian Bukit Serdang  
43300 Seri Kembangan.  
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

## PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

# Menarik keluaran ini



## DARI SIDANG PENGARANG

- 03** Bersama-sama Membendung Peningkatan Kemalangan

## KORPORAT

- 05** Pengurusan Fleet Profesional: Pelanggan Nikmati Perkhidmatan Menyeluruh, Selamat Dan Lancar


## SERVIS

- 06** Tahap Servis Suku Ketiga 2011: Purata VOR Hampiri Sasaran 200 Unit  
**07** PSW Bangi Siap 80%  
**08** 6 Kriteria PSD, Jamin Mutu Servis  
**10** Tindakan Anda Apabila Terkandas Ketika Perjalanan



## TEKNOLOGI

- 12** Teknologi CVT Proton Saga FLX 1.3L: Baru Lebih Menjimatkan Minyak



## PENGURUSAN FLEET

- 14** Merancang Strategi Fleet Yang Berkesan

## KESELAMATAN

- 16** Petua Mudah Meletakkan Kereta Anda  
**18** Awasi Tersengguk Akibat Mengantuk Ketika Memandu  
**20** 10 Petua Terbaik Untuk Pemanduan Yang Selamat



## KESIHATAN

- 21** Pemanduan Selamat Ketika Usia Meningkat



# Pengurusan Fleet Profesional: Pelanggan Nikmati Perkhidmatan Menyeluruh, Selamat Dan Lancar

**PENGUNAAN** khidmat pakar luar atau 'outsourcing' merupakan antara salah satu perkembangan paling penting dalam sejarah pembangunan strategi perniagaan dekad ini.

Kaedah mengagihkan aktiviti kepada pihak ketiga itu membolehkan organisasi menumpukan sumber-sumber penting

mereka kepada urusan teras.

Kerajaan Malaysia mengambil langkah bijak itu dalam menguruskan fleet Kerajaan Pusat apabila menyerahkannya kepada syarikat pakar. SPANCO merupakan syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas tersebut sejak 1994.

Syarikat Pengurusan Fleet Profesional ini menggandingkan kepakaran pengurusan dan juruteknik yang terlatih lagi berpengalaman. Bermakna Kerajaan Persekutuan menyerahkan segala urusan fleet kenderaan kepada SPANCO dan mereka menikmati perkhidmatan terbaik secara profesional, selamat serta lancar.

## SEBAGAI PELANGGAN SPANCO, KERAJAAN PERSEKUTUAN DIBEKALKAN DENGAN PERKHIDMATAN BERMUTU DAN BERKESAN, ANTARANYA:

### 1 Pembekalan kenderaan secara sewa pajak

- Meringankan beban kewangan melalui pembayaran bulanan mengikut kos pajakan.
- Kos pajakan, penyenggaraan dan pembaikan yang tetap.
- Program penggantian kenderaan 4 atau 5 tahun, bergantung kepada jenis.

### 2 Penjagaan kenderaan yang menyeluruh

- Urusan kenderaan dilaksanakan secara komprehensif melalui sistem teknologi maklumat pengurusan fleet bersepadu.
- Mengoptimumkan kegunaan kereta dan

meminimumkan kejadian di mana kereta tidak dapat digunakan akibat kerosakan.

- Khidmat sokongan dua Pusat Servis Wilayah (PSW) dan rangkaian lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh negara.
- Pelanggan dibekalkan dengan kereta tunggu sedia atau kereta ganti bagi kes-kes tertentu.
- Menyediakan sistem pengurusan kemalangan.
- Menyediakan skim perlindungan insurans komprehensif.

### 3 Khidmat nasihat

- Kaunter khidmat pelanggan bersedia memberikan khidmat nasihat terbaik untuk pelanggan.

- Khidmat nasihat yang disediakan adalah dari segi pembekalan, komposisi fleet, penyenggaraan, pembaikan, dan lain-lain berkaitan kenderaan.
- Pusat Panggilan 24 jam untuk membantu pelanggan jika berlaku sebarang kerosakan atau kemalangan.

### 4 Pengurusan kewangan dalam menguruskan fleet

- Menyediakan laporan berkala untuk setiap agensi, jabatan atau kementerian.
- Pemusatan rekod pelanggan dan kenderaan.
- Membantu pelanggan dalam perancangan belanjawan tahunan secara lebih berkesan dan sistematik.

Ringkasnya, 'outsourcing' dalam pengurusan fleet sangat memanfaatkan. Pengambilalihan fleet oleh syarikat profesional, SPANCO membolehkan Kerajaan menikmati pelbagai faedah yang tidak mungkin diperoleh sebelum itu. Selain dapat menangani masalah lebihan kos, Kerajaan tidak lagi dibebani dengan urusan pentadbiran fleet yang rumit dan berisiko justeru dapat menumpukan sepenuh masa serta tenaga kepada kegiatan terasnya.

**Pengumuman:** Adalah dimaklumkan bahawa Pengurus Besar Komersil, Mubarak Ali Gulam Rasul telah menamatkan perkhidmatan pada 30 September 2011.

Susulan itu bermula tarikh tersebut, beliau tidak dibenarkan membuat sebarang urusan bagi pihak SPANCO.

# Tahap Servis Suku Ketiga 2011

## Purata VOR Hampiri Sasaran 200 Unit

PRESTASI fleet SPANCO terus mencatatkan peningkatan apabila purata *vehicle off road* (VOR) yang dilaporkan untuk suku ketiga 2011 adalah 203 unit berbanding 222 dan 218 unit bagi suku pertama dan kedua sebelumnya.

Purata bilangan kereta tidak boleh gerak dalam sehari yang terbaru itu hampir mencecah sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 iaitu 200 unit berbanding sasaran 3% dari saiz fleet sebelumnya.

### Vehicle off road

Secara terperinci, fleet mencatatkan purata VOR sebanyak 215 unit sehari atau 2.24%

bagi Julai, 213 atau 2.23% (Ogos) dan 182 atau 1.90% (September).

Ini menjadikan purata VOR bagi suku ketiga sebanyak 2.12% berbanding 2.36% dan 2.28% suku pertama dan kedua sebelumnya.


### Tempoh senggaraan

Bagi *turnaround time* atau tempoh senggaraan pula, sejumlah 72% tugas servis berjaya disiapkan pada hari pertama kereta dibawa masuk ke pusat servis di seluruh negara dari Julai hingga September 2011.

Selebihnya, 12% mengambil masa 1 hari, 5% dalam masa 2 hari, 6% dalam masa 3-5 hari dan 5% dalam masa 6 hari atau lebih (rujuk Carta 1 & Carta 2).

Ia hampir menyamai peratusan yang dilaporkan sebelum ini bagi suku kedua iaitu 73% (hari yang sama), 11% (1 hari), 5% (2 hari), 6% (3-5 hari) dan 5% (6 hari atau lebih).

Carta 1 Jumlah Servis Mengikut Tempoh Disiapkan Bagi Suku Ketiga 2011



### Penjelasan istilah


**VOR** adalah istilah dalam industri automotif bermaksud kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih, justeru tidak dapat digunakan.

**Turnaround time** ialah tempoh senggaraan iaitu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

**Throughput** bermaksud jumlah tugas servis yang berjaya disiapkan.



Carta 2



Purata bilangan kereta tidak boleh gerak dalam sehari yang terbaru itu hampir mencecah sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 iaitu 200 unit berbanding sasaran 3% dari saiz fleet sebelumnya.

### Throughput


Sementara itu, dari Julai hingga September 2011, sebanyak 18,727 tugasan servis disempurnakan di mana 4,713 servis atau 25% dilakukan di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves, 3,350 servis (18%) di PSW Bangi dan selebihnya 10,664 servis (57%) di pusat-pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

Secara perbandingan, sejumlah 17,955 servis dan 20,358 servis disempurnakan masing-masing pada suku pertama (Januari-Mac) dan suku kedua (April-Jun) tahun ini.

Jumlah kenderaan dan *throughput* dijangka akan terus mengalami pertambahan, namun pelanggan SPANCO dijamin akan tetap menikmati tahap perkhidmatan fleet yang senantiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Carta 3

Analisis 'Throughput' SPANCO Bagi Suku Ketiga 2011



## PSW Bangi Siap 80%

PEMBINAAN pusat servis utama SPANCO terbaru di Bangi yang bermula awal tahun 2011, kini di peringkat 80%.

Apabila siap kelak, Pusat Servis Wilayah (PSW) Bangi itu akan menyediakan perkhidmatan di bawah satu bumbung seperti servis tayar, pendingin hawa, pembaikan mekanikal dan penyenggaraan biasa yang lain.

Memiliki 24 petak servis, PSW Bangi yang baru bakal beroperasi sepenuhnya pada suku pertama 2012. Ikuti perkembangan lanjut pada keluaran seterusnya.





## 6 Kriteria PSD, Jamin Mutu Servis

Mesti ada kemudahan asas,  
mudah dikunjungi, diiktiraf PIAM dan hanya  
alat ganti tulen antara ciri yang ditegaskan



*Azahari Md Lazim,  
Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal*

Azahari menyenaraikan enam ciri yang perlu dipenuhi oleh setiap PSD seperti berikut:



### Lokasi

Jarak antara dua PSD perlu melebihi 25 kilometer antara satu sama lain bagi mengelakkan persaingan kurang sihat di samping menggalakkan peluang perniagaan.

### Kemudahan

PSD perlu memiliki kelengkapan, kemudahan dan tenaga mahir yang minimum yang ditetapkan oleh SPANCO. Kelayakan dan kepakaran juga mesti selaras dengan perkembangan teknologi automotif masa kini.

### Berdaftar

Selain berdaftar dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan stabil, PSD juga mestilah sebuah syarikat diiktiraf PIAM. Selain itu perlindungan insurans mesti disediakan untuk kereta pelanggan yang ditinggalkan di premis mereka.

### Pusat Servis Diiktiraf (PSD)

adalah pusat servis yang dilantik oleh SPANCO untuk melakukan servis penyenggaraan dan pembaikan terhadap kereta-kereta fleet.

### Kriteria pelantikan PSD

- Lokasi yang mudah
- Kemudahan yang lengkap
- Berdaftar, kukuh dan stabil
- Servis yang berlainan
- Alat ganti tulen
- Pelanggan diberi keutamaan

PELANTIKAN Pusat Servis Diiktiraf (PSD) adalah berpandukan piawaian kriteria yang ketat bagi menjamin pelanggan mendapat servis yang bermutu tinggi, selesa lagi memuaskan, demikian ditegaskan oleh Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal, Azahari Md Lazim.

"Sesebuah bengkel perlu melalui proses saringan yang teliti sebelum dilantik ke dalam rangkaian panel pusat servis kami," kata beliau yang bertanggungjawab antaranya memantau lebih 200 PSD di seluruh Malaysia.



### Servis berbeza

Keutamaan diberikan kepada pusat servis yang menyediakan perkhidmatan yang berlainan daripada yang sedia ada di sesuatu daerah, pekan atau bandar.

### Alat ganti tulen

Penggunaan alat-alat ganti tulen sahaja dibenarkan dalam kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kereta konsesi. Pengurusan Fleet Profesional tidak berkompromi dengan mana-mana PSD yang melanggar syarat ini.



### Pelanggan diutamakan

PSD mesti mengutamakan pelanggan SPANCO setiap kali kereta konsesi dihantar untuk diservis atau dibaiki.

Oleh kerana kenderaan fleet terdiri daripada model Proton, maka disarankan juga supaya PSD sebaik-baiknya dilantik daripada kalangan pemegang francais EON dan Proton Edar.

"Bagaimanapun kami bersedia mempertimbangkan mana-mana pusat servis yang disyorkan pelanggan jika didapati tiada yang mampu memenuhi

### Peta Taburan Pusat Servis Diiktiraf



PSD mesti mengutamakan pelanggan SPANCO setiap kali kereta konsesi dihantar untuk diservis atau dibaiki.

ciri-ciri yang ditetapkan di satu-satu lokasi," kata Azahari yang memiliki lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang servis automotif.

Kriteria yang tegas itu sebenarnya bagi menjamin perkhidmatan PSD setanding kualiti yang terdapat di dua pusat servis utama SPANCO iaitu Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan PSW Bangi.

"Pemilihan yang teliti amat penting bagi menyokong kelancaran operasi fleet kami di mana Pengurusan Fleet Profesional mensasarkan 98% keupayaan kenderaan boleh bergerak dalam satu-satu masa," tambah beliau.



Menurut Azahari, Unit Kawalan Senggaraan melakukan servis audit sepanjang tahun dalam memastikan pusat servis yang dilantik sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Terdapat lebih 200 PSD di seluruh Malaysia yang menyediakan perkhidmatan lengkap dan menyeluruh dari servis rutin yang biasa kepada khidmat baik pulih kemalangan, rombak rawat serta menetek dan mengecat badan kereta.

Di samping itu turut dilantik ialah PSD yang membekalkan perkhidmatan khusus seperti servis tayar, bateri, pendingin hawa dan khidmat tunda.

"Pihak pengurusan sentiasa mengemaskini dan menyusun semula peta taburan PSD seluruh negara dari semasa ke semasa mengikut permintaan dan keperluan servis pelanggan," jelas Azahari lagi.

Bagi memudahkan individu memilih pusat servis yang sesuai dengan keperluan mereka, PSD dikategorikan kepada lima tahap penarafan mengikut kemudahan dan servis yang disediakan.

Senarai lengkap, jenis perkhidmatan dan kategori penarafan PSD boleh diketahui lebih lanjut dengan melayari laman web rasmi Pengurusan Fleet Profesional di [www.spanco.com.my](http://www.spanco.com.my).

### Servis audit memastikan:

- Setiap kereta diservis mengikut jadual.
- Penyenggaraan dan pembaikan oleh PSD adalah seperti yang diluluskan.
- Kereta sentiasa dalam keadaan baik supaya kerosakan yang tidak dijangka dapat dielakkan.
- Penggunaan hanya alat ganti tulen.

# Tindakan Anda Apabila Terkandas Ketika Perjalanan



PELANGGAN SPANCO yang mengalami kerosakan kenderaan ketika dalam perjalanan, boleh menghubungi Pusat Panggilan melalui talian bebas tol **1-800-88-6999** bagi mendapatkan bantuan.

Bantuan itu termasuk khidmat tunda untuk menunda kereta anda ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD) berhampiran.

Petugas mahir kami di Pusat Panggilan akan membantu dan memaklumkan anda langkah yang selanjutnya.

Perkhidmatan bantuan servis kerosakan dan kecemasan itu beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan sepanjang tahun.

Ini termasuklah cuti-cuti perayaan besar seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali di mana Pusat Panggilan akan beroperasi seperti biasa.

## Ketika membuat panggilan kecemasan

Anda perlu menyediakan maklumat berikut:

- Nama penuh
- Nombor pendaftaran kereta
- Nombor telefon untuk dihubungi
- Lokasi kereta
- Masalah kereta



Perkhidmatan bantuan servis kerosakan dan kecemasan itu beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan sepanjang tahun.

Jika keadaan mengizinkan, pelanggan disarankan supaya sentiasa berada di sisi kereta sementara menunggu bantuan tiba.

Ini bagi menjamin keselamatan diri dan memudahkan penerangan diberi mengenai kerosakan yang dialami kepada pasukan bantuan, jika perlu.

## Mustahak menghubungi Pusat Panggilan

Dalam apa jua situasi kerosakan atau kemalangan, pelanggan mesti menghubungi SPANCO melalui Pusat Panggilan **1-800-88-6999** bagi mendapatkan bantuan.

Anda perlu memaklukkannya kepada Pusat Panggilan, supaya apa jua tuntutan pembayaran semula terhadap kerosakan





atau kemalangan yang dialami itu, boleh dikemukakan untuk dilunaskan oleh SPANCO.

Tuntutan bagi kos tugas-tugas yang dilakukan oleh ejen yang tidak mendapat pengiktirafan SPANCO, seperti bayaran khidmat tunda, pembelian bateri bagi menggantikan bateri yang gagal berfungsi

atau tayar yang baru bagi menggantikan tayar yang rosak, pecah atau haus tidak akan diterima oleh SPANCO.

Ini kerana segala kos servis dan pembaikan sebenarnya telah pun dimasukkan di dalam caj pakej perkhidmatan yang dibayar oleh agensi, jabatan atau kementerian setiap bulan.



### **Pusat Panggilan 1-800-88-6999 adalah:**

- Percuma.
- Untuk semua pertanyaan dan urusan kecemasan.
- Meliputi seluruh Malaysia.
- Boleh dihubungi 24 jam sepanjang tahun.
- Dikendalikan kakitangan profesional.
- Disokong oleh Rangkaian Servis SPANCO terdiri daripada 2 Pusat Servis Wilayah\* dan lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf\*\* di seluruh negara.

\* Pusat Servis Wilayah – Pusat servis milik penuh SPANCO.

\*\* Pusat Servis Diiktiraf – Pusat servis yang dilantik oleh SPANCO untuk melaksanakan tugas servis dan pembaikan.

### **Pelanggan mesti hubungi Pusat Panggilan jika berlaku:**

- Kemalangan (sama ada sendiri atau membabitkan pihak ketiga)
- Kerosakan (akibat bateri gagal berfungsi, tayar pecah atau sebagainya).

### **Menghadapi kecemasan di lebuhraya**

- Jika boleh, cuba pandu kenderaan anda ke kawasan rehat dan rawat atau hentian sebelah yang berdekatan terlebih dahulu.
- Gunakan lorong kecemasan untuk memperlancarkan kenderaan anda.
- Berhati-hati terhadap batu atau objek lain di bahu jalan yang boleh merosakkan tayar.
- Seboleh-bolehnya letakkan kenderaan paling kiri atau di lorong kecemasan yang disediakan.
- Jika jalan mendaki bukit, halakan tayar depan memasuki jalan dan jika menurun pula, ke arah luar jalan.

- Tarik brek tangan dan pasang lampu isyarat kecemasan.
- Letakkan segi tiga kecemasan atau penanda seperti kon beberapa meter di belakang kenderaan sebagai amaran kepada pengguna lebuhraya lain.
- Hidupkan lampu sisi jika keadaan mula gelap.

### **Anda dan penumpang disarankan supaya:**

- Keluar dari kenderaan melalui pintu kiri sebelah penumpang.
- Berdiri jauh daripada lalu lintas, sebaiknya di belakang rel pengadang.
- Jangan cuba membaiki kenderaan

(kecuali kerosakan kecil) di lorong kecemasan.

- Hubungi unit bantuan kecemasan lebuhraya terlebih dahulu melalui telefon kecemasan yang disediakan atau telefon bimbit.
- Seterusnya, hubungi Pusat Panggilan SPANCO di talian bebas tol **1-800-88-6999** untuk memaklumkan masalah anda.

**PERHATIAN:** Kebanyakan syarikat penyelenggara lebuhraya seperti PLUS memiliki pasukan bantuan kecemasan mereka sendiri dan tidak membenarkan trak penunda pihak ketiga termasuk SPANCO memasuki lebuhraya.

# Teknologi CVT Proton Saga FLX 1.3L: Baru Lebih Menjimatkan Minyak



PROTON Holdings Berhad baru-baru ini melancarkan model Proton Saga FLX 1.3L yang lebih menjimatkan melalui penggunaan teknologi *Continuously Variable Transmission* (CVT) untuk penggunaan petrol yang lebih cekap dan pemanduan yang lebih lancar.

Proton Saga merupakan model terlaris di Malaysia dengan membantu PROTON menjadi peneraju pasaran Malaysia secara keseluruhan bagi separuh pertama tahun 2011. Sejak diperkenalkan, Proton Saga generasi baru menerima sambutan yang amat menggalakkan serta memenangi anugerah Model Terbaik 2009 oleh Frost

& Sullivan, anugerah Kereta Penumpang Terbaik 2010 dan baru-baru ini anugerah Kereta Pengguna Terbaik iaitu anugerah utama bagi Anugerah Industri Auto - Asian Auto 2011. Model ini mencatatkan rekod jualan yang tinggi dengan lebih 250,000 unit didaftarkan dan lebih 300,000 ditempah sejak pelancaran pada Januari 2008 hingga Jun 2011.

Model jualan paling laris kini semakin mantap dengan pengenalan Saga FLX 1.3L terbaru yang menggunakan teknologi

CVT, berbanding transmisi automatik konvensional sebelum ini. Penggunaan CVT adalah lanjutan dari kejayaan PROTON membangun dan menggabungkan teknologi itu dengan enjin CamPro.

"Proton Saga FLX baru adalah hasil komitmen berterusan PROTON ke arah menyediakan kereta dengan prestasi yang lebih baik kepada pelanggan. Model terbaru ini menjadi satu lagi pencapaian kami dalam usaha menambahbaikkan rangkaian produk kami untuk memenuhi





kehendak pasaran,” kata Dato’ Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Pengarah Urusan Kumpulan, PROTON Holdings Berhad.

Beliau menjelaskan: “Dengan enjin yang lebih ringan, serta peralihan gear secara terus CVT, menjadikan penggunaan minyak Saga FLX empat peratus lebih rendah di kawasan bandar dan sehingga 10 peratus di lebuh raya.

“Pertukaran sistem transmisi kepada CVT telah meningkatkan tahap pemanduan serta tindak balas kereta tanpa menurunkan kuasanya.

“Ini memberi kesan besar kepada pengguna. Selain menjimatkan minyak,

pemanduan yang lebih lancar serta diyakini, CVT membolehkan enjin dikendalikan pada tahap optimum, seterusnya mengurangkan masalah pada enjin dan meningkatkan lagi ketahanan enjin secara jangka panjang.”

Proton Saga FLX 1.3L model Eksekutif memiliki ciri-ciri tambahan, antaranya beg udara bagi pemandu dan penumpang serta *Anti-lock Braking System* (ABS) dan *Electronic Brake-force Distribution* (EBD).

“Matlamat PROTON adalah bukan sahaja menyediakan kereta yang mampu dimiliki pengguna, malah yang memiliki ciri-ciri teknologi termaju serta keselamatan yang dihargai pelanggan,” kata Dato’ Sri Haji Syed Zainal lagi.

Proton Saga FLX boleh didapati dengan warna baru iaitu *Elegant Brown*, selain pilihan sedia ada seperti *Tranquility Black*, *Genetic Silver*, *Solid White* dan *Blue Rock*. Harga sebuah kereta adalah dari RM38,598 hingga RM44,998 dan kini sedia untuk ditempah. Kereta-kereta boleh dilihat di semua bilik pameran PROTON di seluruh negara.



Selain menjimatkan minyak, pemanduan yang lebih lancar serta diyakini, CVT membolehkan enjin dikendalikan pada tahap optimum, seterusnya mengurangkan masalah pada enjin dan meningkatkan lagi ketahanan enjin secara jangka panjang.





# Merancang Strategi Fleet Yang Berkesan

Artikel berikut mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan penglibatan pengguna dalam perancangan fleet serta ciri-ciri yang boleh digunakan untuk menilai prestasi fleet anda.

STRATEGI fleet yang berkesan mempunyai beberapa prinsip utama yang perlu diambil kira dalam perancangan fleet sesebuah organisasi. Prinsip-prinsip berikut dapat membantu organisasi membangunkan fleet yang mantap, sekali gus memenuhi kehendak pelanggan.

## Pentingnya strategi fleet

Adalah mustahak untuk mempunyai strategi atau perancangan yang berkesan kerana ia akan mentakrifkan pendekatan organisasi anda terhadap pengurusan fleet. Strategi anda perlu didokumentasikan secara bertulis dan jelas bagi:

- mengenal pasti kewajaran fleet dari sudut perniagaan.
- membantu mencapai sebuah fleet yang dapat memenuhi matlamat.
- menentukan bagaimana fleet akan diuruskan di masa akan datang.

Untuk membangunkan corak yang benar-benar berkesan, strategi fleet mestilah dikaitkan dengan kepentingan strategik yang lain dalam organisasi anda. Strategi ini perlu menjadi sebahagian daripada pendekatan organisasi terhadap pengurusan aset secara keseluruhan dan perlu selaras dengan matlamat pelestarian alam sekitar organisasi anda.

Para pemandu, penumpang dan pengguna kenderaan boleh mengesyorkan perspektif yang luas terhadap arah tuju strategik pengurusan fleet anda. Rundingan dengan mereka akan memberikan maklumat berguna untuk strategi anda.

Strategi juga perlu dilihat dari sudut luar organisasi dan mempertimbangkan kelebihan bekerjasama dengan organisasi luar (pihak ketiga) untuk menghasilkan fleet yang paling berkesan dan cekap.

Di samping itu, organisasi juga perlu mensasarkan untuk mengurangkan jumlah dan jarak perjalanan yang boleh menghasilkan penjimatan serta meminimumkan kesan alam sekitar selain risiko kemalangan.

Oleh kerana perubahan sentiasa berlaku, maka strategi turut mesti disemak dari semasa ke semasa agar dikemaskini dan kekal relevan.

## Penglibatan pengguna membangunkan strategi

### • Mengapa pengguna penting

Pendapat pemandu, penumpang dan pengguna kenderaan perlu

dipertimbangkan untuk memastikan strategi yang menyeluruh dan mengambil kira isu-isu utama dalam membangunkan sebuah fleet yang selaras dengan arah tuju organisasi. Kumpulan pengguna ini akan menggunakan kenderaan anda dan pengetahuan serta pengalaman mereka penting dalam memastikan strategi anda kekal fokus terhadap isu-isu yang sebenar.

### • Jika pengguna tidak diutamakan

Sekiranya pengguna tidak dibabitkan dalam proses membangunkan strategi,



Sekiranya strategi dibangunkan tanpa input pengguna, fleet anda mungkin tidak dapat memenuhi keperluan mereka dari segi saiz fleet, jenis kenderaan, perubahan undang-undang dan keperluan latihan.



berkemungkinan penggunaan kenderaan yang dibeli akan mendapat tentangan. Begitu juga sekiranya strategi dibangunkan tanpa input pengguna, fleet anda mungkin tidak dapat memenuhi keperluan mereka dari segi saiz fleet, jenis kenderaan, perubahan undang-undang dan keperluan latihan.

#### • **Cara penglibatan**

Kumpulan pengguna dan tanda aras organisasi sektor awam lain boleh digunakan sebagai rujukan dan bagi mendapatkan maklumat kaji selidik pengguna yang telah dikumpulkan oleh mereka. Maklumat ini akan lebih bermakna jika organisasi lain itu turut menggunakan jenis kenderaan yang sama dengan organisasi anda.

### **Mengukur Kecekapan**

#### • **Petunjuk prestasi pengurusan fleet**

Prestasi fleet diukur menggunakan petunjuk prestasi. Dalam memilih petunjuk yang sesuai untuk fleet anda, contoh berikut boleh dipertimbangkan. Bagaimanapun ia bukanlah senarai yang lengkap dan organisasi anda boleh memilih untuk menggunakan petunjuk lain yang lebih komprehensif.

##### **a) Penggunaan fleet**

- kesediaan kenderaan (vehicle availability) – jumlah hari fleet bersedia untuk digunakan.
- masa rosak (downtime) – jumlah hari yang terbuang akibat penyenggaraan dan pembaikan.
- penggunaan (utilisation) – penggunaan fleet berbanding kesediaan, yang boleh menentukan saiz fleet yang sesuai dan isu berkaitan kesediaan kenderaan serta kakitangan.

##### **b) Tahap kepatuhan**

- jumlah kemalangan – menekankan keperluan latihan pemandu dan kesan terhadap kos insurans.
- jumlah kerosakan – menekankan isu-isu penyenggaraan.
- jumlah kenderaan yang gagal dalam pemeriksaan – menilai prestasi pembekal atau pusat servis yang dilantik.

##### **c) Operasi**

- penggunaan bahan api – boleh mengenal pasti penggunaan petrol yang tidak betul, pilihan kenderaan akan datang dan sama ada latihan untuk pengguna perlu dianjurkan.
- pelepasan CO2 – untuk mengawasi pematuhan dasar alam sekitar dan sasaran pengurangan.

##### **d) Kos**

- kos penyenggaraan setiap kenderaan – digunakan untuk menyiasat sama ada sesetengah kenderaan mempunyai kos yang lebih tinggi, mungkin disalahgunakan sehingga mengakibatkan kehausan dan kerosakan yang melampau atau caj penyenggaraan yang tidak disemak atau diperiksa.
- kos tayar setiap kenderaan – digunakan untuk mengenal pasti kerosakan tayar yang teruk atau sama ada perlu menggantikan tayar dari jenis atau jenama yang berlainan yang lebih kos efektif.
- kos insurans setiap kenderaan – membantu mengenal pasti sama ada insurans yang dibeli memberi nilai untuk wang.
- kos operasi setiap kenderaan – mengenal pasti kos pengendalian yang tinggi yang mungkin boleh dikurangkan.

#### • **Memilih petunjuk prestasi yang sesuai**

Petunjuk prestasi perlu dipilih berasaskan manfaat dan kesesuaian. Jika terlalu banyak kriteria yang dipilih, maka banyak masa akan terluang hanya untuk mengutip data atau analisis prestasi menjadi bercelaru akibat maklumat yang berlebihan.

Petunjuk prestasi harus disemak dengan kerap bagi memastikan maklumat yang disediakan adalah relevan dan mampu membantu pengurusan membuat keputusan. Petunjuk prestasi yang tidak relevan mesti dihentikan segera.

#### • **Siapakah yang patut memantau prestasi fleet?**

Pengurus fleet seharusnya menerajui pengawasan prestasi fleet dan diberi tanggungjawab yang jelas untuk melaporkan maklumat ini kepada setiap individu yang terbabit dalam proses membuat keputusan di peringkat perancangan dan operasi.

Setiap organisasi disarankan supaya melantik seorang pengarah atau ketua jabatan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu pengurusan fleet di peringkat tertinggi.

Pada keluaran berikutnya, bahagian kedua akan membincangkan lebih lanjut faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam perancangan fleet seperti kitaran penggantian, perolehan dan penggunaan pihak ketiga, pelestarian alam sekitar dan alternatif kepada bahan api petrol.



# Petua Mudah Meletakkan Kereta Anda



PERCAYAKAH anda, ada pemandu yang sudah bertahun-tahun memandu tetapi masih cuak dan ragu-ragu tentang cara meletakkan kereta mereka di ruang parkir?

Itulah yang dapat dirumuskan apabila kemalangan dan kerosakan di tempat letak kereta adalah antara insiden yang paling kerap dilaporkan.

Terdapat tiga posisi meletak kereta yang biasa dan berikut adalah petua untuk melakukannya dengan mudah.

## LETAK KERETA SELARI

Cara ini mungkin kelihatan sukar pada mulanya namun dengan latihan, anda pasti dapat menguasainya. Anda perlu tahu mengagak sama ada terdapat ruang yang cukup untuk kereta anda. Ilustrasi berikut menerangkan caranya:



Semasa menghampiri petak letak kereta selari yang kosong, berikan isyarat awal supaya pemandu lain terutama yang sedang mengekori anda, tahu akan tujuan anda. Brek perlahan-lahan dan berhenti dengan belakang kereta anda selari dengan kenderaan B. Jarakkan ruang lebih kurang satu meter antara kereta anda dan kenderaan B.



Undur perlahan-lahan dengan memusingkan stereng ke kiri sepenuhnya sehingga kereta berada pada kedudukan 45 darjah dengan bahu jalan. Selepas itu stereng kereta anda sepatutnya selari dengan bampar belakang kenderaan B.



Luruskan semula tayar depan anda. Terus berundur sehingga bucu kiri bampar hadapan kereta anda selari dengan bucu kanan bampar kenderaan B. Jaga jangan sampai bergesel atau terkena bahu jalan.



Semasa mengundur, pusingkan stereng ke kanan sepenuhnya serta-merta sehinggalah kereta anda selari dengan bahu jalan. Awas jangan sampai terlanggar kenderaan di belakang.



Pandu sedikit ke hadapan sambil meluruskan semula stereng. Berhentilah di tengah-tengah kenderaan B dan C, kemudian tarik brek tangan.

Langkah-langkah semasa meninggalkan tempat letak kereta selari:

- Undur habis tanpa menyentuh kenderaan di belakang;
- Periksa jalan yang akan dimasuki melalui cermin sisi dan belakang;
- Hidupkan lampu isyarat kanan;
- Sebelum bergerak, toleh dan imbas ke kanan untuk memastikan tiada kenderaan yang menghampiri;




- Masuk semula ke jalan raya menggunakan lorong yang paling hampir;
- Awasi kenderaan yang diletakkan di bahu jalan dan yang mengekori dari belakang.

Keluar masuk kereta yang diletakkan selari:

- Sentiasa berjalan menghadap trafik apabila keluar atau masuk ke kereta yang diletakkan di bahu jalan.
- Sebelum keluar dari kereta, periksa cermin terlebih dahulu untuk sebarang kenderaan atau motosikal yang datang dari arah sisi.
- Jangan buka pintu terlalu luas dan segera tutup pintu sebaik selepas masuk atau keluar kereta.


### LETAK KERETA BERSUDUT

Cara letak kereta ini adalah yang paling kerap ditemui.



Ketika memasuki petak letak kereta bersudut, jangan lupa:

- Beri isyarat;
- Sebelum membelok masuk ke dalam petak, jarakkan ruang anggaran 1.5-2 meter dari kenderaan lain yang diletakkan di situ;
- Awasi jangan sampai bucu bampar kanan dan kiri kereta anda bergesel dengan kenderaan bersebelahan;
- Luruskan tayar selepas memasuki petak letak kereta.



Ketika meninggalkan petak letak kereta bersudut, jangan lupa:

- Oleh kerana kenderaan bersebelahan menghalang penglihatan anda, maka agak sukar untuk memerhatikan trafik semasa mengundurkan kereta anda;
- Justeru, berundur dengan perlahan supaya pemandu lain dapat melihat sedikit belakang kereta anda;

- Jika kenderaan di sebelah anda lebih panjang daripada kereta anda, berhenti sebaik sahaja belakang kereta anda selari dengan kenderaan yang lebih panjang itu. Kemudian undur perlahan-lahan sambil memerhatikan kenderaan di belakang anda;
- Semasa beredar, berwaspada terhadap kenderaan lain yang cuba keluar dari petak letak kereta bersudut yang berhampiran.

### LETAK KERETA BERGERUN

Untuk mengelakkan kereta daripada bergerak apabila diletakkan di permukaan yang bergerun, selepas mematikan enjin, jangan lupa:

- tarik brek tangan;
- bagi transmisi manual, masukkan sama ada gear rendah (menaiki cerun) atau 'reverse' (menuruni cerun);
- bagi transmisi automatik, masukkan gear 'park';



Jika anda meletakkan kereta menaiki cerun yang mempunyai bahu jalan, pusingkan stereng ke kanan dan biarkan kereta anda berundur sehingga tayar kiri depan menyentuh bahu jalan. Ini dapat

mengelakkan kereta anda daripada melompat ke atas bahu jalan itu jika ia bergerak tanpa diduga.



Sebaliknya, jika anda meletakkan kereta menaiki cerun tanpa bahu jalan pula, pusingkan stereng ke kiri.

Jika anda meletakkan kenderaan menuruni cerun, ingat untuk sentiasa

memusingkan stereng anda ke kiri supaya tayar depan menghala ke kiri iaitu menuju ke arah luar jalan.

Catatan: Apabila meletakkan kereta di cerun, biarkan tayar depan bergolek sehingga menyentuh bahu jalan sebelum memasukkan gear dan mengenakan brek tangan. Bahu jalan akan bertindak sebagai penahan sekiranya kereta bergerak tanpa diduga semasa diletakkan di situ.

Akhir sekali, jangan lupa untuk membebaskan gear semasa menghidupkan enjin untuk beredar daripada tempat letak kereta bergerun.

“ Jika mengantuk, segera berhentikan kenderaan di tempat yang selamat untuk berehat dan melelapkan mata buat sementara. ”

**KEMALANGAN** akibat tertidur di dalam perjalanan boleh berlaku dalam sekelip mata namun membimbangkan apabila kajian menunjukkan satu dari lapan pemandu di Britain pernah tersengguk kerana mengantuk semasa memandu.

Lazimnya 'tersengguk' dialami tanpa disedari oleh pemandu iaitu apabila terlelap antara dua hingga 30 saat semasa memandu. Kesan pelanggaran akibat terlelap semasa memandu adalah serius kerana pemandu tidak cuba mengelak atau membrek.

Kaji selidik terhadap 1,000 pemandu oleh kempen keselamatan jalan raya Brake and

Cambridge Weight Plan, yang dilakukan tahun lepas itu mendapati 25 peratus pemandu mengaku memulakan perjalanan dalam keadaan mengantuk.

Ia satu tindakan yang berisiko tinggi yang menyumbang kepada keletihan semasa memandu.

Sejumlah besar iaitu 86% daripada pemandu juga gagal mengikut nasihat keselamatan iaitu jika mengantuk, segera berhentikan kenderaan di tempat yang selamat untuk berehat dan melelapkan mata buat sementara.

Lebih suku daripada pemandu (29%)

membahayakan diri mereka serta orang lain dengan meneruskan perjalanan walaupun menyedari terdapat tanda-tanda mengantuk pada diri mereka.

Selain itu, satu daripada tujuh pemandu (13%) yang ditanya melaporkan bahawa mereka menghadapi masalah kesihatan seperti apnea yang menyebabkan rasa mengantuk pada siang hari. Masalah apnea boleh menyebabkan seseorang tertidur tanpa sebarang amaran.

Pengarah kempen, Julie Townsend dilaporkan berkata: "Memandu kenderaan merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu dilakukan secara serius. Ini bermakna pemandu perlu berhenti jika mereka rasa mengantuk dan jangan mulakan pemanduan jika merasa letih.

"Mesej inilah yang perlu disampaikan kepada orang awam dan kami menyeru pihak kerajaan (Britain) agar berusaha untuk menangani isu ini dengan segera."

## Awasi Tersengguk Akibat M



### Rancanglah perjalanan dan laluan anda

BAGI mengurangi risiko mengantuk dan tertidur semasa memandu, pemandu disarankan supaya merancang perjalanan mereka terutama yang melibatkan jarak yang jauh. Perancangan yang baik bukan sahaja mampu menjimatkan masa dan tenaga malah mengelakkan tekanan dan pembaziran.

### Ikuti petua mudah berikut:

- 1. Jika boleh gunakan pengangkutan alternatif seperti kereta api, bas atau kapal terbang bagi perjalanan jauh.
- 2. Catatkan laluan yang akan diambil di atas sekeping kertas supaya mudah untuk dirujuk.
- 3. Tuliskan juga laluan alternatif bagi menghadapi sebarang kemungkinan atau halangan.
- 4. Perancangan mesti mengambil kira tempat anda akan berhenti rehat iaitu 15 minit bagi setiap dua jam perjalanan.
- 5. Tempah tempat penginapan untuk bermalam jika perlu.
- 6. Periksa melalui media penyiaran dan Internet sama ada terdapat kerja-kerja pembaikan yang membabitkan laluan yang bakal ditempuh.
- 7. Dapatkan tidur yang secukupnya malam sebelum perjalanan.
- 8. Periksa sama ada ubatan yang diambil boleh menyebabkan rasa mengantuk.
- 9. Buat pemeriksaan rapi ke atas kereta bagi memastikan ia dalam keadaan baik.
- 10. Dapatkan pemandu kedua jika keadaan mengizinkan.



**INGAT!**

Kopi dan tidur sekejap cumalah langkah penyelesaian sementara bagi meneruskan perjalanan anda. Hanya tidur dan rehat yang secukupnya dapat merawat perasaan mengantuk anda itu.

# Mengantuk Ketika Memandu



**Awasi tanda-tanda mengantuk semasa memandu seperti berikut:**

- Kerap menguap
- Berat mata
- Tersenguk-senguk
- Terbabas ke lorong sebelah
- Hilang daya tumpuan
- Tindak balas yang lambat
- Mula berkhayal
- Tidak mengingati jalan yang baru dilalui
- Kelajuan kenderaan berubah-ubah

**Berhenti sebaik sahaja rasa mengantuk**

Ramai daripada kalangan kita tidak mengendahkan tanda-tanda mengantuk semasa memandu malah akan cuba melawan perasaan itu dengan membuka tingkap, memasang radio, berborak-borak atau menghisap rokok.

Sebenarnya cara demikian hanya berkesan sekejap sahaja. Sebaiknya amalkan tip berikut:

- Jangan mulakan pemanduan jauh jika anda kepenatan.
- Ingat akan risiko yang bakal dihadapi jika perlu bangun terlalu awal untuk memulakan perjalanan.
- Cuba elak pemanduan jauh antara tengah malam dan 6 pagi iaitu waktu kebiasaan tidur.
- Sebaik sahaja perasaan mengantuk mula menyerang anda, carilah tempat selamat untuk berhenti tetapi bukan di bahu jalan.
- Minum satu atau dua cawan kopi pekat dan berehatlah 10-15 minit bagi memberikan masa untuk kafein bertindak.

# 10 Petua Terbaik Untuk Pemanduan Yang Selamat

**KESELAMATAN** para pemandu dan pengguna fleet SPANCO sentiasa menjadi keutamaan sejak mula kami beroperasi, antaranya dengan memaparkan artikel-artikel tip keselamatan jalan raya di dalam setiap keluaran majalah PRIHATIN.

Dalam terbitan kali ini, kami mengesyorkan 10 petua terbaik untuk pemanduan yang lebih selamat.

## 1 BACA KEADAAN JALAN

Lebih jauh anda memerhati ke hadapan, lebih banyak masa yang anda ada untuk mengesan dan bertindak balas terhadap bahaya. Anda perlu bersedia untuk memberhentikan kereta anda pada jarak selamat di hadapan yang mampu dilihat dengan jelas.

## 2 MENJANGKA KEADAAN

Gunakan kelebihan 'melihat pada jarak lebih jauh' itu untuk menjangka masalah yang mungkin anda hadapi. Buat rancangan awal bagi mengelak daripada membuat keputusan pada saat-saat akhir.

## 3 GUNAKAN PERATURAN DUA SAAT

Tandakan satu kedudukan di hadapan, seperti tiang lampu dan tunggu sehingga kenderaan di hadapan melepasi. Kemudian kira dua saat, sebagai contoh dengan berkata "satu ribu satu... satu ribu dua". Jika anda melintasi penanda sebelum selesai membilang, jarak anda adalah terlalu rapat.

Gandakan kiraan itu pada hari hujan atau jika terdapat motosikal di hadapan anda.

## 4 BERI TUMPUAN

Pada kelajuan 110 kmj, jarak untuk memberhentikan kereta adalah sejauh sebuah padang bola. Justeru, kemalangan boleh berlaku jika anda teralih tumpuan walaupun sesaat.

## 5 JANGKAKAN TERBURUK

Jangan anggap pemandu lain menyedari kehadiran anda atau akan bertindak seperti yang anda jangka – dan jangan bergantung pada tindak balas orang lain untuk menyelamatkan anda.



## 6 LIHAT BELAKANG DAN SISI

Gunakan cermin dengan kerap supaya anda memiliki pemerhatian 360 darjah di sekeliling anda. Imbas ke belakang sebelum anda bertukar lorong bagi mengatasi masalah 'blind spot'.

## 7 KEKALKAN RUANG SELAMAT

Jika anda dapat mengekalkan jarak yang secukupnya di sekeliling kenderaan yang anda pandu, anda ada lebih banyak ruang dan masa untuk menangani sebarang kemungkinan bahaya.

## 8 KEKALKAN KECERGASAN

Keletihan merupakan faktor utama dalam banyak kejadian kemalangan. Ambil masa rehat sekurang-kurangnya 15 minit selepas setiap dua jam memandu.

## 9 JANGAN BERGERAK MENGEJUT

Jika anda telah memerhatikan keadaan sekeliling dan menggunakan maklumat itu untuk mengagak apa yang bakal berlaku, anda akan lebih bersedia menghadapi pergerakan mengejut kenderaan lain.

## 10 BELAJAR DARIPADA KESILAPAN

Kemalangan nyaris biasa berlaku kepada kebanyakan orang. Anda perlu memikirkan cara untuk mengelak kejadian yang sama daripada berulang, walaupun anda pasti kesilapan terletak di tangan pemandu lain.

SEMOGA PETUA-PETUA DI ATAS DAPAT MENGHINDARKAN KITA SEMUA DARIPADA DITIMPA KEMALANGAN, BAK KATA BIDALAN 'SEDIKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN' DAN JANGANLAH SAMPAI 'SESAL DAHULU PENDAPATAN, SESAL KEMUDIAN TIADA GUNANYA'.



# Pemanduan Selamat Ketika Usia Meningkat

**USIA** tua tidak mengehadkan seseorang untuk melakukan aktiviti-aktiviti fizikal seperti memandu dengan baik. Bagi warga emas pula, ramai yang masih berupaya untuk meneruskannya malah dengan pengalaman yang dimiliki, mereka merupakan antara golongan

yang paling berwaspada di jalan raya.

Namun hakikatnya, daya penglihatan, kecergasan dan ketangkasan seseorang akan menurun dalam usia yang meningkat. Kita perlu menilai perubahan ini dengan jujur dan menyesuaikan gaya pemanduan kita supaya terus kekal

selamat di jalan raya.

Mulai terbitan kali ini, majalah PRIHATIN akan menampilkan beberapa siri artikel yang membincangkan kesan fizikal apabila usia meningkat serta tip untuk menghadapinya supaya anda kekal sebagai pemandu selamat selama boleh.



...daya penglihatan, kecergasan dan ketangkasan seseorang akan menurun dalam usia yang meningkat. Kita perlu menilai perubahan ini dengan jujur dan menyesuaikan gaya pemanduan kita supaya terus kekal selamat di jalan raya.





### Bagaimanakah Penglihatan Anda?

Kita amat bergantung kepada deria penglihatan untuk memandu kenderaan. Bagaimanapun tahap melihat mula terjejas apabila kita mencecah umur tertentu.



### Ketika lewat usia, adakah anda menghadapi masalah berikut?

- Tidak dapat membaca papan tanda dengan terang atau mengecam kenalan anda di seberang jalan.
- Kesukaran untuk melihat garisan, papan tanda dan bahu jalan selain kereta dan pejalan kaki, terutama menjelang fajar dan senja.
- Tidak selesa pada waktu malam kerana silau terhadap cahaya lampu dari arah bertentangan.

### APA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN

1. Pastikan anda memakai cermin mata dengan preskripsi terbaru. Jika cermin mata anda hilang atau rosak, jangan bergantung pada yang lama sebaliknya gantikan ia secepat mungkin dengan preskripsi yang betul. Elakkan memakai cermin mata berbingkai sisi yang besar yang boleh menghalang penglihatan anda.
2. Jangan memakai kaca mata hitam pada waktu malam kerana ini menghalang penglihatan dan membahayakan pemanduan. Elakkan cermin gelap dan memandu pada waktu fajar, senja atau malam. Sekiranya anda sensitif terhadap cahaya, dapatkan nasihat doktor sama ada keadaan itu boleh diatasi.
3. Pastikan tingkap, cermin dan lampu kereta sentiasa bersih dan sasaran lampu diperiksa apabila menghantar kereta untuk diservis. Pandulah kereta yang mempunyai tombol atau punat yang besar dan simbol yang mudah dibaca. Kecerahan lampu pada panel peralatan di dalam kereta boleh ditingkatkan jika perlu.
4. Duduk dalam kedudukan yang tinggi supaya anda boleh melihat jarak sekurang-kurangnya 10 kaki di hadapan. Kedudukan ini juga dapat mengurangkan silau dari arah bertentangan pada waktu malam. Gunakan kusyen tambahan sekiranya tempat duduk tidak boleh dilaras naik.



5. Alihkan pandangan anda ke bahu kiri jalan bagi mengelakkan silau lampu kereta dari arah hadapan. Seseengah kereta dilengkapi cermin pandang belakang yang menapis silau. Mungkin ciri itu berguna ketika memandu pada waktu malam.
6. Sekiranya anda berumur 60 tahun ke atas, jumpalah doktor mata setahun sekali untuk mengesan keadaan yang dikaitkan dengan peningkatan umur seperti katarak, glaukoma, degenerasi makula dan *diabetic retinopathy*.

**Terbitan PRIHATIN**  
yang akan datang akan membincangkan tentang bagaimana kecergasan fizikal memberi kesan ke atas keupayaan anda untuk mengawal kereta dengan selamat.



MENYEDIAKAN PENYELESAIAN  
MENYELURUH DALAM PENGURUSAN FLEET  
UNTUK KEMENTERIAN DAN JABATAN  
PERSEKUTUAN DENGAN KENDERAAN  
BERJUMLAH LEBIH 9,000 BUAH DI  
SELURUH NEGARA.



#### MANFAAT KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN SPANCO

- penggantian kenderaan pada kitaran yang tetap
- kenderaan yang sentiasa dijaga rapi
- tahap kesediaan kenderaan yang lebih tinggi pada 98%
- pengurusan tuntutan kemalangan dan litigasi
- pengurusan kesalahan trafik dan saman
- pusat panggilan bebas tol 24 jam
- khidmat bantuan kecemasan 24 jam
- khidmat tunda 24 jam
- laporan dan analisis fleet terperinci
- maklumat sejarah kenderaan
- pengurusan pemeriksaan PUSPAKOM
- khidmat pemasangan dan pengubahsuaian kenderaan

#### SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua,  
Batu Complex 51100 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 6253 2888 Faks: 03 - 6253 0623

#### Pusat Servis Wilayah Batu Caves

No. 2, Jalan Perusahaan 2  
Kawasan Perusahaan Batu Caves  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 - 6192 8888 Faks: 03 - 6192 8889

#### Pusat Servis Wilayah Bangi

No. 33 Jalan P/21, Taman Industri Selaman Seksyen 10,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03 - 8920 1990 Faks: 03 - 8920 1992







# Mencelah-celah di jalan raya tidak menjimatkan masa. Ia membazirkan nyawa.



**Jangan Mencelah-celah. Ikut Lorong Anda.  
Anda Mampu Mengubahnya.**